



KURSUS INDUKSI SISTEM SARAAN MALAYSIA

Pendahuluan

- 1.1 Dengan terlaksananya Sistem Saraan Malaysia, semua pegawai baru Perkhidmatan Awam diwajibkan mengikuti Kursus Induksi sebelum mereka disahkan dalam jawatan. Peraturan ini berkuatkuasa bagi mereka yang mula berkhidmat pada 1 Januari 1992 dan seterusnya.
- 1.2 Bagi guru-guru pelatih, Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran (KPLSPM) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) yang menerima latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kursus Induksi SSM perlu diikuti di IPG masing-masing sebaik sahaja tamat kursus perguruan dan sebelum ditempatkan di sekolah untuk bertugas.
- 1.3 Kursus Induksi SSM mengandungi dua komponen:
 - 1.3.1 Komponen Umum - Kandungan kursusnya sama dan seragam bagi semua perkhidmatan
 - 1.3.2 Komponen Khusus - Kandungan kursusnya disesuaikan mengikut keperluan kementerian.